

11/11/2000

Golongan kotori sungai tidak sayangkan pusaka

ALOR STAR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata mereka yang mengotori sungai adalah golongan yang tidak sayangkan pusaka yang dikurniakan Tuhan.

Perdana Menteri berkata, banyak sungai di negara ini tercemar kerana masyarakat tidak menghargai sungai sebagai pesaka dengan membuang sampah, termasuk bahan yang sukar hancur seperti plastik ke dalam sungai.

Katanya, perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana akibat perbuatan tidak bertanggungjawab itu, kerajaan terpaksa mengeluarkan kos yang tinggi untuk membersihkan sungai.

"Sungai kotor kerana manusia tidak sayangkan pusaka yang dikurniakan. Keadaan dahulu tidak teruk kerana barangan buangan boleh reput dan hancur tetapi sekarang ada barangan buangan yang tidak boleh reput seperti plastik," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika melancarkan Kempen Cintailah Sungai Kita peringkat kebangsaan di Ampang Jajar, di sini hari ini.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan berharap masyarakat dapat menunjukkan tamadun yang tinggi dengan memelihara sungai supaya sentiasa bersih.

Dr Mahathir berkata, sungai yang berfungsi sebagai jalan pengangkutan utama sebelum negara mencapai kemajuan, perlu dipelihara sebagai tanda menghargai anugerah Allah kerana ada sungai di negara lain yang kering tanpa air.

"Di negara kita, dahulu masalah pencemaran tidak berapa teruk kerana barang yang dibuang ke sungai mudah hancur tetapi sekarang barangan yang dibuang ke dalam sungai adalah yang tidak mudah reput seperti plastik," katanya.

(END)